



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10 Zulkaedah 1443 / 10 Jun 2022

- I. Semalam, Khamis, 09 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 09 Jun 2022, sebanyak **107 dos pertama** dan **908 dos kedua** telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada **83.2%** dan **65.0%** bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah sebanyak **71.5%**.

2. Hari ini, Jumaat, 10 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 10 Jun 2022, sebanyak **370 kes baru** telah dilaporkan iaitu 364 kes hasil ujian ART dan 6 kes adalah hasil dari 359 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **152,320 kes**. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

- Manakala **I kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **321 kes telah disahkan sembah** yang membawa jumlah kes yang sembah kepada **149,243 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,852 kes** iaitu 14 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,838 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
 - iv) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin.. (Al-Fatihah).

3. Dalam pada itu, berikutan dengan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan dengan ini memaklumkan mengenai penutupan Pusat Vaksinasi di Dewan Kemasyarakatan, Daerah Temburong bermula Isnin **13 Zulkaedah 1443** bersamaan **13hb Jun 2022**. Sehubungan dengan itu, Perkhidmatan Program Vaksinasi COVID-19 bagi keperluan penduduk Daerah Temburong akan diteruskan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong bermula Isnin, 13 Zulkaedah 1443 bersamaan 13hb Jun 2022. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk **membuat**

tempahan terlebih dahulu bagi mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19 di fasiliti kesihatan yang dinyatakan diatas sewaktu beroperasi iaitu:

Isnin- Khamis & Sabtu :

08:15 pagi – 12:00 tengah hari

1:00 petang – 3:30 petang

4. Marilah kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat, selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Zulkaedah 1443H / 10 Jun 2022